

14/07/1998

Ahli Parlimen pindah tempat duduk

TEMPAT duduk ahli Parlimen DAP kawasan Seputeh, Liew Ah Kim, di Dewan Rakyat kini dipindahkan ke barisan belakang setelah beliau mengadakan pertemuan dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Zahir Ismail.

Zahir berkata, Liew membangkitkan kedudukannya sebagai ahli Parlimen DAP setelah beliau yang memegang jawatan naib pengerusi kebangsaan parti itu, digantung selama sebulan.

"Jadi, saya dah tukarkan tempat duduknya ke barisan belakang," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Disiplin DAP, Ahmad Nor, mengumumkan penggantungan keanggotaan Liew dan bendahari parti itu, Fung Ket Wing, selama sebulan, selain menyingkir setiausaha publisitinya, Wee Choo Keong, berikutan perbuatan mereka yang bertentangan dengan peraturan parti.

Liew kini ditempatkan dengan Anggota Parlimen Pas yang baru memenangi kerusi Arau dalam pilihan raya kecil 4 Julai lalu, Hashim Jasin.

Sementara itu, Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin, yang baru dilantik ke jawatannya ditempatkan di barisan depan bahagian A, iaitu tempat duduk menteri sebaris dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Daim yang juga ahli Parlimen Merbok kini ditempatkan bersebelahan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Seorang lagi menteri yang baru, Senator Tan Sri Kasitah Gaddam, ditempatkan di barisan belakang bahagian A setelah dilantik menjadi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi baru-baru ini.

Beliau ditempatkan sebaris dengan antaranya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed.

(END)